

## Keterangan Kulit Buku Teks Sains Tingkatan 3



Rekaan kulit Buku Teks Sains Tingkatan 3 ini menggabungjalinkan empat tema dan bidang Sains, iaitu:

- Tema 1: Penyenggaraan dan Kesinambungan Hidup (Biologi)
- Tema 2: Penerokaan Unsur dalam Alam (Kimia)
- Tema 3: Tenaga dan Kelestarian Hidup (Fizik)
- Tema 4: Penerokaan Bumi dan Angkasa Lepas (Sains Angkasa)

Cara persembahannya menggunakan kaedah semi abstrak, iaitu mengaplikasikan rantaian bentuk-bentuk poligon pelbagai warna yang melingkar dan mewakili empat tema Sains tersebut yang disokong oleh gambar-gambar foto. Teknik rekaan kulit buku ini menggunakan gubahan komputer 2D dan 3D melalui aplikasi *Photoshop* dan *Illustrator*.

Muka taip teks yang dipilih untuk tajuk buku ini nampak lebih elegan dengan gabungan warna putih dan kuning agar lebih jelas, terang serta menonjol dan mudah dibaca. Warna kelabu pada latar belakang digunakan agar kelihatan lebih kontras dengan spektrum warna dan gambar-gambar foto sokongan. Warna ini juga nampak lebih lembut dan santai.